

PAS: 18 TOKOH SYOR DAMAI BERASINGAN...

KOTA BHARU, Selasa — Jawatankuasa Agung PAS hari ini diminta mengatur perjumpaan 'damai' berasingan antara pihak yang bersengketa dalam krisis pucuk pimpinan parti itu yang semakin meruncing sekarang.

Jawatankuasa di bawah pimpinan baru itu juga diminta bertindak sebagai orang tengah dengan jujur dan ikhlas, tanpa memihak manamana pihak.

Hasrat ini disuarakan oleh 18 orang ahli Jawatankuasa Perhubungan PAS Negeri Kelantan yang pro-Datuk Asri dalam sepucuk surat khas kepada Setiausaha Agung PAS, Ustaz Hassan Haji Shukri.

Mereka tidak lagi mengiktiraf pentadbiran atau Jawatankuasa Dewan Harian PAS Negeri Kelantan yang ada sekarang.

Mereka mendakwa,

"cara pentadbiran dewan itu sekarang bercorak autografi, di mana fikiran-dengan-luar nampaknya sudah menjalar ke dalam Dewan Harian itu."

Tujuan utama surat itu untuk memberitahu ibu pejabat parti bahawa 18 orang jawatankuasa berkenaan tidak akan menghadiri perjumpaan antara Jawatankuasa Agung dengan Perhubungan PAS Kelantan di sini Sabtu ini.

Enggan

Bekas Speaker Dewan Undangan Negeri merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri kawasan Meranti, Datuk Haji Nik Man memberitahu petang ini, semua 18 orang tokoh itu termasuk beliau sendiri menandatangani surat tersebut. Mereka terdiri Yang Dipertua dan Setiausaha PAS dari 10 kawasan (bahagian) di Kelantan.

Beliau enggan menyen-

but kawasan-kawasan berkenaan tetapi Berita Harian difahamkan antara kawasan itu ialah Pasir Mas, Rantau Panjang, Kuala Kerai, Jeli, Bacuk, Pasir Putih, Macang, Tanah Merah, Nilam Puri dan Hulu Kelantan.

Katanya, keputusan itu diambil dalam mesyuarat khas yang diadakan di sini lewat petang semalam. Surat tersebut akan disampaikan oleh Ketua PAS kawasan Bacuk yang juga ahli Parlimen Bacuk, Haji Mohd. Din Abdullah kepada Setiausaha Agung PAS yang dijangka menerimanya esok.

Beliau mengukul laporan Berita Harian hari ini bahawa hampir separuh ahli Jawatankuasa Perhubungan PAS Kelantan yang pro-Datuk Asri akan memulau perjumpaan Sabtu ini.

Datuk Nik Man berkata, perjumpaan secara beramai-ramai yang diarahkan oleh Jawatankuasa Agung itu tidak dapat,

mencapai matlamat untuk berdamai atau menyelesaikan sengketa yang berlaku.

Menurut beliau, semua Jawatankuasa termasuk dari Dewan Harian, Pemuda, Muslimat, Ulama, ahli-ahli Jawatankuasa, ahli Dewan Undangan Negeri dan Parlimen dijemput menghadiri perjumpaan Sabtu ini.

"Kami tidak nampak dalam majlis yang mengandungi berbagai pihak itu dapat menyelesaikan masalah yang besar, malah boleh mengurangkan lagi suasana," ujar beliau.

Datuk Nik Man menegaskan, "kami tidak nampak krisis yang berlaku sekarang dapat diselesaikan dengan cara begini dan sebab itulah kami mengambil keputusan tidak akan menghadiri."

"Kami mahu jawatankuasa parti mengadakan perjumpaan damai berasingan antara pihak yang bersengketa saba-

ja, tanpa campurtangan orang yang tidak kena mengena.

"Kami akan menghadiri perjumpaan berasingan itu kerana kami berpendapat ini adalah cara yang wajar dan berkesan dalam menyelesaikan apa yang berlaku sekarang," tegas Datuk Nik Man.

Dalam konteks ini, tambah beliau, apabila Jawatankuasa Agung PAS mendengar hujah-hujah dan kenyataan kedua pihak secara berasingan, ia boleh merangka formula-formula perdamaian.

"Setelah formula damai itu diperolehi, barulah kedua pihak berkenaan bertemu dalam satu mesyuarat khas 'perdamaian'," ujar beliau.

"Inilah caranya yang kita mahu," tambah beliau lagi.

Datuk Nik Man berkata, pihaknya mengalu-alu dan mengahgali usaha Jawatankuasa Agung mengadakan perjumpaan Sabtu ini untuk menyelesaikan krisis yang berlaku tetapi "bukannya itu caranya".

Datuk Nik Man memberitahu, pihaknya telah menawarkan 'perdamaian' krisis antara Datuk Asri dengan Nik Aziz itu sejak bulan Julai lalu, tetapi ditolak oleh Perhubungan PAS Kelantan.

Pada masa ini, tambah beliau, 14 ahli Jawatankuasa Perhubungan PAS Kelantan telah menandatangani sepucuk surat meminta pihak perhubungan mengadakan mesyuarat khas membincangkan masalah itu, tetapi ditolak hingga hari ini.

Datuk Nik Man menyatakan, "kami bersikap liberal dan terbuka dalam menghadapi sebarang masalah demi keselamatan negara.

"Kita suka kepada cara ini yang kita amalkan sejak dahulu sehingga sekarang, walaupun tidak diakui oleh orang-orang baru," ujar beliau.